

For Immediate Release



KENYATAAN AKHBAR

MAKLUMBALAS ISU KEBOCORAN BUMBUNG HOSPITAL LABUAN

Jabatan Kesihatan WP Labuan (JKWPL) ingin merujuk kepada isu yang dikeluarkan oleh surat khabar *Daily Express* pada 13 September 2017 berkaitan satu kenyataan daripada En Shamsudin Sidek, Pengerusi PKR Labuan berkenaan dengan masalah kebocoran bumbung Hospital Labuan serta beberapa isu lain yang antaranya menyebut:

- a. Sistem penghawa dingin yang tidak berfungsi di Klinik Kesihatan
- b. Bekalan elektrik yang tidak mencukupi di Hospital
- c. Tempat letak kereta yang tidak mencukupi di Hospital Labuan
- d. Serta bilangan Pegawai Perubatan yang tidak mencukupi.

JKWP Labuan mengucapkan ribuan terima kasih diatas keperihatinan En Shamsudin Sidek berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan di Labuan. Jabatan Kesihatan ingin memaklumkan bahawa JKWP Labuan juga sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan di Labuan terus ditambah baik selaras dengan visi ke arah Labuan Pulau Sihat 2019, merakyatkan perkhidmatan kesihatan dan menjadikan Labuan sebagai contoh dan model perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Pelbagai usaha dirancang dan sedang dijalankan oleh pengurusan JKWP Labuan untuk memastikan fokus memberi perkhidmatan yang optima kepada masyarakat Labuan tercapai termasuk penambahbaikan kepada infrastruktur sedia ada.

Berhubung dengan isu-isu yang telah dibangkitkan, berikut merupakan maklumbalas daripada JKWP Labuan;

a. Isu bumbung bocor

Isu ini telah diambil tindakan segera bagi memastikan keselesaan pelanggan dan petugas. Peruntukan khas telah di luluskan dan projek pengantian bumbung

sedang dijalankan dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan awal Oktober 2017. Lantai licin yang ditunjukkan adalah tempas daripada hujan lebat dan susulan proses pengantian bumbung hospital tersebut.

b. Sistem penghawa dingin tidak berfungsi di Klinik Kesihatan

Pengurusan telah mengambil tindakan segera berkenaan perkara ini dan peruntukan khas telah diluluskan oleh Kementerian bagi tujuan penyelenggaraan dan pengantian sistem sedia ada. Projek ini di fasa terakhir pengujian dan dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2017.

c. Bekalan elektrik yang tidak mencukupi di Hospital

JKWP Labuan telah meneliti perkara ini termasuk mengkaji semula keperluan sebenar keperluan tenaga elektrik di Hospital Labuan. Buat masa ini, laporan menunjukkan keperluan tenaga elektrik masih mencukupi bagi Hospital Labuan. Walaubagaimanapun, JKWP Labuan telah mengambil tindakan awal dengan membuat rundingan awal bersama pihak berkepentingan termasuk Sabah Elektrik berkenaan keperluan jangkaan elektrik Hospital Labuan bagi jangka masa lima (5) tahun, 10 tahun dan 20 tahun. Makluman awal keperluan naiktaraf juga telah dimaklumkan dan dalam pertimbangan Kementerian.

d. Tempat letak kereta yang tidak mencukupi di Hospital Labuan

Tempat letak kereta Hospital Labuan telahpun dinaiktaraf dengan membesarkan tempat letak kereta sedia ada. Projek ini siap sepenuhnya pada disember 2016 yang melibatkan tambahan sebanyak 24 tempat letak kereta. Hasil pemantauan pihak kami juga mendapati tidak berlaku tempat letak kereta digunakan sepenuhnya pada satu satu masa.

e. Bilangan Pegawai Perubatan yang tidak mencukupi.

Bilangan Pegawai Perubatan di Hospital Labuan sebenarnya 30% melebihi bilangan jawatan pegawai perubatan sedia ada di Hospital Labuan. JKWP Labuan juga sedang giat menaiktaraf perkhidmatan di Hospital Labuan dengan

menambah baik perkhidmatan kepakaran. Buat masa ini seramai 13 orang pakar yang melibatkan Sembilan (9) kepakaran perubatan telah dibangunkan dan mereka berkhidmat sepenuh masa di Hospital Labuan. Disiplin kepakaran tersebut adalah Penyakit Dalaman, Pediatrik, Obstetrik dan Gynekology, Pembedahan, Orthopedik, Kecemasan, Radiologi, Psikriatrik dan Bius. Oleh itu, isu ketidak cukupan pegawai perubatan sebenarnya tidak timbul di Hospital Labuan.

JKWP Labuan mengesahkan bahawa isu yang dibangkitkan merupakan isu lama yang dihadapi oleh JKWP Labuan dan Isu-isu tersebut telah pun diambil perhatian serius serta tindakan telah diambil untuk memastikan permasalahan tersebut diselesaikan.

JKWP Labuan memandang serius dan sentiasa terbuka serta mengalu-alukan sebarang maklumbalas dari semua pihak termasuk masyarakat di Labuan dan NGO's bagi tujuan menambahbaik perkhidmatan kesihatan di Labuan seterusnya merelisasikan visi kami menjadikan Labuan Pulau Sihat. Bagi tujuan tersebut, maklumbalas boleh dihantar terus ke Jabatan Kesihatan melalui interaksi bersama Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri di laman web rasmi <http://jknlabuan.moh.gov.my> atau menghubungi terus di talian 087-596000.

Sekian. Terima kasih

“ KAMI SEDIA MEMBANTU”

DR. ISMUNI BIN BOHARI (NSR; 125457, mmc: 35629)

Pengarah Jabatan Kesihatan

Jabatan Kesihatan WP Labuan

14 September 2017

087-596146